

ANALISIS WACANA UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

KEENAM SEMPENA 100 HARI MENAKHODA NEGARA

ROHAIZAH BINTI AB KARIM

**DISERTASIINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014

ABSTRAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Bahasa yang dimanfaatkan dalam ucapan pemimpin yang menjadi medium untuk mengalirkan ideologi, mempengaruhi khalayak serta membentuk imej diri, sebenarnya mempunyai kuasa. Kuasa yang wujud di sebalik makna bahasa menyebabkan pemimpin perlu bijak memilih, menyusun dan menggunakan bahasa. Bagi menghuraikan dan memahami kekuasaan bahasa dalam sesebuah wacana, maka analisis wacana (*discourse analysis*) boleh diaplikasikan. Sehubungan itu, kajian ini menerapkan kerangka analisis wacana Fairclough, (1992; 1995) bagi menganalisis teks ucapan Perdana Menteri Malaysia keenam sempena 100 hari menakhoda. Walau bagaimanapun, kajian ini menerapkan dimensi tekstual sahaja. Keempat-empat unsur dimensi tekstual dikenal pasti dan dihuraikan dalam kajian ini, iaitu struktur teks, tautan, nahu, dan leksikalisaasi. Pengumpulan data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah pustaka.

Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa ucapan yang dikaji bersifat ‘promosi diri’ kepada khalayak. Berdasarkan unsur struktur teks, pewacana lebih tertumpu pada struktur generik makluman dan tindakan. Penekanan pada struktur generik ini, khususnya struktur generik tindakan, menunjukkan bahawa tertanam ideologi kepimpinan partisipasi dalam pentadbiran yang diterajuinya. Hal ini secara tidak langsung menjadi medium ‘promosi diri’ pewacana.

Bagi aspek tautan pula, pewacana lebih banyak memanfaatkan tautan penghubung tambahan kerana pewacana yang masih baharu memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia Keenam. Oleh itu beliau perlu memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya. Penggunaan tautan



rujukan *saya* atau *kita* dalam ucapan pula menunjukkan bahawa pewacana mahu mempamerkan keakrabannya dengan khalayak. Malahan, kata ganti *saya* dan *kita* juga digunakan secara berulang bagi menonjolkan diri pewacana.

‘Promosi diri’ juga dapat dilihat daripada unsur nahu, iaitu melalui transitiviti, rema dan modaliti. Frasa nama *saya*, *kerajaan* atau *pihak kerajaan*, dan *kita* yang kerap digunakan sebagai subjek dilihat menonjolkan diri pewacana. Corak kepimpinan yang ingin dibawa oleh pewacana kemudiannya dizahirkan pada struktur rema, yakni bagi menyampaikan maklumat baharu. Selain itu, dominasi modaliti aspek dalam ucapan dilihat mempunyai hubung kait dengan komitmen pewacana.

Aspek leksikalisisasi pula dilihat daripada unsur kata alternatif dan metafora. Kata alternatif telah dimanfaatkan bagi mempamerkan ciri-ciri pemimpin yang bertanggungjawab, berjiwa rakyat, dan adil, manakala leksikal alternatif berkaitan ‘usang’ dan ‘baik pulih’ memperhebatkan lagi ‘promosi diri’ terhadap permulaan pentadbirannya. Metafora perbuatan dan metafora air yang ditemui juga menyerlahkan lagi keprihatinan pewacana. Kombinasi daripada unsur struktur teks, tautan, nahu, dan leksikalisisasi membuktikan bahawa pewacana mahu mempamerkan dirinya sebagai ‘pemimpin berjiwa rakyat’ dengan mengamalkan kepimpinan partisipasi.

ABSTRACT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

The language used in a leader's speech is a medium to transmit ideology, influence audience and self-image formation. Power that exists behind the meaning of language causes the leader to be wise in choosing and using the language. In order to describe and to understand the power of language in a discourse, discourse analysis need to be applied. Consequently, this study incorporates Fairclough's discourse analysis framework (1992;1995) to analyse speech texts of the sixth Prime Minister of Malaysia which were delivered in conjunction with his first 100-days in the office. However, this study only focuses on the textual dimension. There are four textual dimensions identified and described in this research, namely text structure, cohesion, grammar and lexicalization. Document analysis and library methods were used to collect data.

Overall, this study concludes that the studied speech texts merely act as 'self-promotion' with the audience. In terms of text structure, more emphasis is given to announcement and action generic structure. Emphasis in these generic structures, particularly action generic structure, show that the participation leadership ideology is embedded in the administration lead by him. This indirectly becomes a medium of self-promotion for the speaker.

The cohesion aspect, especially conjunction, bring more benefits to the speaker as the new sixth Prime Minister. Therefore, he has to provide additional information to the matter presented earlier. The reference usage such as *saya* and *kita* in the speech reflects that the speaker needs to display intimacy with his audience. In fact, the first person pronoun, *saya* and *kita*, were used repetitively to reflect the speaker's act of

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

‘Self-promotion’ can also be seen in the grammar aspect, namely transitivity,

rheme and modality. Noun phrases such as *saya*, *kerajaan* or *pihak kerajaan* were often

used as subjects to promote the speaker. The leadership pattern intended to be displayed

by the speaker is realized in the rheme structure to deliver new information. Apart from that, the modality domination aspect in the speech is seen to be related to the speaker’s commitment.

The lexicalization aspect, on the other hand, is seen from the alternative word element and metaphor perspective. Alternative words were used to show the characteristics of a leader who is responsible, people-minded and fair, while the alternative lexical in term of ‘old’ and ‘repairing’ further intensifies the self-promotion at the start of the administration. The action metaphors and water metaphors further showed the speaker’s concern. The combination of text structure, cohesion, grammar and lexicalization elements have proved that the speaker wanted to portray himself as a people minded leader by practicing participative leadership.

KANDUNGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS iii

ABSTRAK

v

PENGHARGAAN

vii

KANDUNGAN

viii

SENARAI RAJAH

xi

SENARAI JADUAL

xii

BAB 1: PENGENALAN

1

1.0 Pendahuluan

1

1.1 Latar Belakang Kajian

1

1.1.1 Definisi dan Sejarah Wacana

2

1.1.2 Sorotan Kajian Wacana di Malaysia

6

1.1.3 Sorotan Kajian Wacana Ucapan Pemimpin

9

1.2 Permasalahan Kajian

15

1.3 Objektif Kajian

17

1.4 Kepentingan Kajian

17

1.5 Bahan dan Batasan Kajian

18

1.6 Kesimpulan

19

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN TEORI KAJIAN

21

2.1 Pengenalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2.2 Metodologi Kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

21

2.2.1 Perihal Data Wacana	21
2.2.2 Pendekatan Kajian dan Kaedah Kajian	24
2.2.2.1 Kaedah Analisis Dokumen	25
2.2.2.2 Kaedah Pustaka	25
2.2.3 Prosedur Pengumpulan Data	26
2.3 Teori Kajian	30
2.3.1 Analisis Wacana 3 Dimensi Fairclough (1992; 1995)	30
2.3.2 Kaedah Analisis Dimensi Tekstual	33
2.3.2.1 Struktur Teks	34
2.3.2.2 Tautan	35
2.3.2.3 Nahu	42
2.3.2.4 Leksikalisisasi	45
2.4 Kesimpulan	46
BAB 3: ANALISIS STRUKTUR TEKS DAN TAUTAN	47
3.0 Pendahuluan	47
3.1 Struktur Teks dalam Kajian	47
3.2 Tautan dalam Teks Kajian	56
3.2.1 Tautan Penghubung	56
3.2.2 Tautan Rujukan	66
3.2.2.1 Tautan Rujukan Kata Ganti Nama Orang	67
3.2.2.2 Tautan Rujukan Kata Ganti Nama Tunjuk	81
3.2.3 Tautan Penggantian	84
3.2.4 Tautan Leksikal	89
3.2.5 Tautan Elipsis/ Pengguguran	105

3.2.5.1 Pengguguran Frasa	107	
3.2.5.2 Pengguguran Klausu	110	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.3 Kesimpulan	113	
BAB 4: ANALISIS NAHU DAN LEKSIKALISASI	116	
4.1 Pendahuluan	116	
4.2 Nahu	116	
4.2.1 Transitiviti	116	
4.2.2 Tema dan Rema	128	
4.2.3 Modaliti	131	
4.2.3.1 Modaliti Aspek	133	
4.2.3.2 Modaliti Ragam	142	
4.3 Leksikalisasi	149	
4.3.1 Kata Alternatif	150	
4.3.2 Metafora	157	
4.4 Kesimpulan	161	
BAB 5: RUMUSAN	163	
5.1 Pendahuluan	163	
5.2 Rumusan	163	
5.3 Cadangan	169	
5.4 Penutup	170	
BIBLIOGRAFI	171	
LAMPIRAN	177	

SENARAI RAJAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Rajah 4.1 Peratusan Penggunaan Modaliti			133
Rajah 4.2 Peratusan Penggunaan Modaliti Aspek			134
Rajah 4.3 Peratusan Penggunaan Modaliti Ragam			143



SENARAI JADUAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jadual 2.1	Sifat teks dalam Dimensi Tekstual berdasarkan Fairclough	34
Jadual 2.2	Struktur Tema dan Rema	44
Jadual 3.1	Struktur Generik Ucapan Perdana Menteri Keenam Sempena 100 Hari Menakhoda Negara	49
Jadual 4.1	Aspek Kepimpinan pada Unsur Tema	128
Jadual 4.2	Aspek Kepimpinan pada Unsur Rema	129
Jadual 4.3	Leksikal Alternatif Berkaitan Ciri-Ciri Kepimpinan	151
Jadual 4.4	Leksikal Alternatif ‘Usang’	154
Jadual 4.5	Leksikal Alternatif ‘Baik Pulih’	155
Jadual 5.1	Tumpuan Struktur Generik dalam Bahan Kajian	165

BAB 1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bagi seorang pemimpin, ucapan merupakan salah satu komunikasi rasmi untuk menyampaikan sesuatu perkara kepada pendengar. Ucapan pemimpin negara merupakan satu wacana yang dapat memberi impak yang besar dalam pemerintahan negara. Setiap ucapan yang disampaikan berperanan mengukuhkan kuasa, mempertahankan idea, menyampaikan ideologi atau kepentingan lain. Schaffner (1997) yang dipetik dalam Wong Shin Shin (2007) menegaskan bahawa bahasa politik dapat dilihat melalui penggunaan bahasa secara khusus, manakala Wareing (1999: 11) pula menyatakan bahawa kuasa politik wujud di sebalik makna bahasa.

Bagi menghuraikan dan memahami penggunaan bahasa dalam sesebuah wacana, maka analisis wacana (*discourse analysis*) boleh diaplikasikan. Di awal perbincangan, akan ditumpukan perhatian terlebih dahulu kepada latar belakang: sorotan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka teori, dan kaedah kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pada bahagian ini, akan dibincangkan tiga perkara yang berkaitan dengan latar belakang kajian yang dibuat, iaitu definisi dan sejarah wacana, sorotan kajian wacana di Malaysia, dan sorotan kajian wacana ucapan pemimpin.

1.1.1 Definisi dan Sejarah Wacana

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Wacana bukanlah satu bidang yang baharu. Kedudukan wacana dikatakan lebih tinggi

daripada ayat dalam tatatingkat bahasa. Hal ini dapat dibuktikan melalui definisi-definisi yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana linguistik sendiri. Misalnya, Stubbs, (1983) yang dipetik dalam Schiffri, 1992: 1) melihat wacana sebagai kesatuan bahasa yang lebih besar daripada ayat atau klausa dalam kenyataannya seperti yang berikut.

attempts to study the organization of language above the sentence or the clause, and therefore to study larger linguistic units, such as conversational exchanges or written texts. It follows that discourse analysis is also concerned with language in use in social contexts, and in particular with interaction or dialogue between speakers.

Crystal (1992) mendefinisikan wacana sebagai regangan bahasa yang berkesinambungan yang lebih besar daripada ayat. Asmah Haji Omar (1980a: 11) turut menyatakan wacana sebagai unit bahasa yang melepas batas ayat. Menurutnya:

Wacana adalah unit bahasa yang melebihi batas ayat. Dengan itu, wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan di antara butir-butir pemikiran dan juga perkembangan akliah yang ada di dalamnya.

Nik Safiah Karim et al. (2009: 523) pula melihat wacana sebagai unit bahasa yang melepas ayat. Beliau menambah bahawa:

...perkaitan antara bahasa unit bahasa yang terlibat melahirkan kesatuan yang utuh. Sesuatu wacana sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, diujarkan bagi tujuan menyampaikan sesuatu maklumat tentang sesuatu topik.

Wong Khek Seng (2006: 1) pula mentakrifkan wacana sebagai usaha meneliti

bahasa yang digunakan untuk tujuan komunikasi yang boleh terdiri daripada satu-satu kata atau ayat tunggal, seberkas ayat, sesuatu perbualan ringkas, coretan nota

sehingga salah sebuah novel yang lengkap. Dalam wacana Wong Khek Seng menyatakan

bahawa kemampuan wacana menyampaikan mesej dan memperlihatkan runtutan dari segi penerima.

Sebenarnya, wacana merangkumi keseluruhan aspek komunikasi, sama ada melibatkan mesej atau teks, pengucapan, penerimaan serta situasi konteks (Mohd. Sidin, 1999). Malahan, ada sesetengah pengkaji menganggap buah fikiran juga sebagai wacana. Fairclough (2003, dalam Idris Aman, 2010) mentafsirkan wacana sebagai pandangan khusus tentang bahasa penggunaan sebagai satu unsur kehidupan sosial yang berkait rapat dengan unsur lain. Hal ini bermakna wacana berkait rapat dengan kehidupan sosial kerana digunakan dalam komunikasi.

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan, terdapat persamaan berkaitan takrifan wacana. Secara tuntasnya, wacana ialah unit tertinggi bahasa yang melampaui ayat dan kajian tentang unit tersebut, yakni tertinggi dalam tatatingkat bahasa. Oleh sebab wacana ialah unit bahasa yang tertinggi, maka wacana dapat direalisasikan dalam pelbagai bentuk

Dari segi sejarah, kajian wacana dimulakan oleh seorang ahli linguistik tradisional yang bernama Malinowski seawal tahun 1923 dengan melihat hubungan bahasa dengan masyarakat dalam kajiannya di Kepulauan Trobriand. Konsep ini kemudiannya dikembangkan oleh Firth (1935) dengan mengemukakan ‘teori makna dalam konteks’ (*context of situation*) yang menyatakan bahawa semua ilmu bahasa merupakan kajian makna dan makna ini bukan diperoleh daripada hubungan akaliah di antara idea-idea yang wujud oleh kata-kata, tetapi daripada hubungannya dengan

konteks situasi yang melatarinya (Asmah Hj. Omar, 1980a: 14). Firth (1935)

menyatakan konteks situasi melibatkan pemeran dalam situasi, tindakan pemeran, ciri-

ciri situasi lain yang relevan, dan bentuk perubahan yang ditimbulkan oleh hal-hal yang

dituturkan oleh pemeran dalam situasi itu. Oleh itu, jika digunakan dalam konteks yang

berlainan, setiap perkataan merupakan perkataan baharu yang mempunyai erti yang

berlainan.

Walaupun kajian Malinowski (1923) dan Firth (1935) sudah mencerminkan analisis wacana, namun istilah *discourse analysis* ini secara khususnya mula diperkenalkan oleh Zellig S. Harris (1952) dalam kertas kerjanya *Discourse Analysis* bagi melahirkan rasa tidak puas hati terhadap tatabahasa ayat. Beliau melihat bahasa lebih daripada ayat dalam pengkajian bahasa dengan memberi gambaran tentang struktur teks dan peranan unsur-unsur dalam struktur tersebut sehingga merubah analisis tatabahasa yang dahulunya hanya berakhir pada peringkat ayat, kini ke peringkat wacana. Malahan, beliau juga memperlihatkan wujudnya hubungan antara teks dengan situasi sosial. (Asmah Hj. Omar, 1980a: 14-15).

Secara umumnya, perkembangan wacana berasaskan dua tradisi, iaitu tradisi Eropah dan tradisi Amerika (McCarthy, 1991). Tradisi Eropah banyak dilakukan oleh ahli-ahli bahasa pemikiran Prague seperti Mathesius yang terkenal dengan kerangka Perspektif Tugas Ayat (*Functional Sentence Perspective*) bagi menganalisis wacana. Halliday pula banyak mempengaruhi aliran wacana di Britain. Beliau juga sebenarnya banyak dipengaruhi oleh aliran Prague, selain pengaruh pemikiran Firth yang memperluas konsep keperihalan keadaan yang dipelopori oleh Malinowski. Halliday (1973) menekankan pendekatan fungsional terhadap bahasa dengan mengemukakan tiga fungsi bahasa, iaitu fungsi ideasional, fungsi interpersonal, fungsi tekstual. (dalam Idris Aman, 2010: 18-19).

Sinclair dan Coulthard (1975) pula memajukan model analisis

wacana guru-murid di bilik darjah berasaskan hierarki unit wacana, manakala Grice

(1975) seorang ahli falsafah menggunakan pendekatan pragmatik dalam wacana.

Menjelang tahun 1970-an, kajian wacana telah mengalami evolusi apabila pendekatan kritis diperkenalkan melalui kerja-kerja yang dilakukan oleh Roger Fowler dan rakan-rakan sejawatnya, iaitu Hodge, Kress, dan Trew yang berpangkalan di University of East Anglia, Britain (Fairclough, 1992; Simpson, 1993). Pada awalnya, pendekatan ini dikenali dengan nama *critical linguistics* (dipetik daripada Idris Aman, 2006). Fairclough (2003) salah seorang penyokong analisis wacana kritis memperkenalkan praktis sosial dalam menganalisis wacana.

Di Amerika pula, analisis wacana didominasi oleh kerja-kerja dalam tradisi etnometodologi, iaitu menekankan metod penyelidikan secara pemerhatian terhadap sekelompok manusia yang berkomunikasi dalam latar semula jadi. Kajian yang dijalankan ialah jenis-jenis lakuan bahasa. Gumperz dan Hymes merupakan dua orang tokoh yang terkenal bagi tradisi ini. Dalam aliran Amerika juga ada tradisi analisis perbualan (*conversational analysis*) yang menumpukan perhatian kepada tingkah laku pemeran wacana dan kepada pola wacana yang wujud dalam data turut tergolong dalam analisis wacana. Begitu juga dengan aliran wacana yang bergerak sealiran dengan tradisi linguistik seperti wacana penceritaan lisan. Selain itu, satu lagi pendekatan analisis wacana yang terkenal ialah pendekatan lakuan tutur (*speech act*) yang digubal oleh ahli falsafah John Austin (1962) dan John Searle (1971), serta McCarthy (1991) (dalam Idris Aman, 2010, 18-19).

1.1.2 Sorotan Kajian Wacana di Malaysia

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Di Malaysia, bidang wacana mula diceburi oleh Yunus Maris pada tahun 1966 dengan memperkenalkan kaedah analisis wacana dalam bahasa Melayu (Wong Khek Seng, 1995:13-14). Menurut Wong Khek Seng, Yunus Maris telah menunjukkan bahawa penggunaan ganti nama dan makna ungkapan hanya dapat dijelaskan secara sempurna berlandaskan teori keperihalan keadaan (*context of situation*). Teori ini bermaksud bahasa yang dituturkan oleh masyarakat penutur dikatakan tepat dengan benda-benda, keadaan-keadaan atau apa-apa yang dilakukan

Harimurthi Kridalaksana (1978) juga pernah menggunakan pendekatan analisis wacana dalam kertas kerjanya. Dalam kertas kerja tersebut, beliau menekankan aspek keutuhan yang merangkumi aspek semantik, leksikal, dan tatabahasa. Dengan menganalisis aspek-aspek tersebut, ahli linguistik dapat menentukan sesuatu data itu wacana atau sekadar kumpulan ayat. Kemudian, Lutfi Abas pada tahun 1979 dan 1982 menghasilkan dua buah makalah berkaitan analisis wacana yang pertama bertajuk *Analisis Wacana Sebuah Cerpen* dan yang kedua *Keindahan Sastera Melalui Analisis Wacana*.

Walau bagaimanapun, konsep analisis wacana dalam linguistik Melayu secara langsung diperkenalkan oleh Asmah Hj. Omar (1980a; 1998b) dalam tulisan artikelnya yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam artikel tersebut, beliau menegaskan kepentingan makna dalam konteks situasi yang bersifat bukan verbal. Dengan menggunakan kaedah analisis Sinclair dan Coulthard (1975), beliau menganalisis struktur perbualan dalam teks dialog bahasa Melayu. Selanjutnya, banyak penulisan yang telah dihasilkan oleh beliau berkaitan wacana. Antaranya beliau pernah

menulis tentang wacana yang berlaku dalam temu duga dan wawancara (1995), wacana

perbincangan, perbahasan dan perundingan (1996), hubungan kuasa dalam perbahasan

parlimen (2003) serta wacana akademik (2006).

Perkembangan analisis wacana kemudiannya semakin rancak dengan terhasilnya sama ada dalam bentuk artikel, buku, tesis atau disertasi, khususnya memerihalkan wacana bahasa Melayu. Pada peringkat doktor falsafah, kajian wacana pernah dilakukan oleh Azhar M. Simin (1983), Sato Hirobumi (1991), Sanat Md Nasir (1996), Khathijah Abdul Hamid (1997), Kamila Ghazali (1999), Idris Aman (2001), Nani Darmayanti (2012), Azhar Md. Sabil (2012), dan Rohaidah Haron (2012).

Kajian Azhar M. Simin (1983) dan Sato Hirobumi (1991) memerihalkan nahu wacana. Kajian Azhar M. Simin sedaya menghuraikan kata ‘yang’, telah menerapkan kerangka teori tagmemik dan kerangka struktur naratif dengan harapan menjadi laluan kepada analisis nahu Melayu berasaskan wacana. Menurutnya, kajian bahasa yang ada sebelum ini bersifat nahu bebas konteks. Oleh sebab itu, sewajarnya nahu wacana perlu diberi perhatian kerana baginya ayat bukanlah batasan terakhir dalam tatatingkat bahasa. Dengan demikian, perlu nahu perlu dianalisis dalam konteks yang lebih besar, iaitu wacana.

Kajian Sato Hirobumi pula menggunakan korpus *Hikayat Hang Tuah* bagi menghuraikan bahasa Melayu klasik. Dalam kajiannya, teori linguistik struktural-fungsian dimanfaatkan sebagai kerangka menganalisis data. Dalam kajian tersebut, antara aspek nahu yang dihuraikan ialah susunan maklumat lama dan maklumat baharu.

Unsur kohesi atau tautan secara langsung disentuh oleh Sanat Md Nasir (1996)

dalam kajian doktor falsafahnya. Korpus wacana yang digunakan oleh Sanat Md Nasir ialah rencana *Utusan Zaman* dari tahun 1957 hingga 1961 dengan menerapkan kerangka teori linguistik sistemik Halliday dan Hasan (1976) dan Elsharshabi (1988) dengan membuat beberapa pengubahsuaihan berdasarkan input de Beaugrande dan Dressler (1981) dan Cook (1992; 1994). Analisis yang dibuat melahirkan model kerangka tautannya yang dikenali sebagai Model Tautan Pindaan.

Selain itu, kajian Khathijah Abdul Hamid (1997) juga membincangkan unsur kohesi dalam karangan pelajar. Akan tetapi, kajiannya turut menyentuh unsur koheren. Empat jenis karangan dijadikan korpus kajian yang merangkumi karangan naratif, karangan pendedahan, karangan perbincangan, dan karangan pujukan bagi tujuan terapan. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau menjawab 17 persoalan yang dibina berdasarkan angkubah-angkubah yang ditetapkan.

Pada peringkat sarjana pula, kajian wacana pernah dibincangkan oleh Che Mahmood Che Pa (2003) yang turut mengkaji bidang wacana dengan menghuraikan penggunaan jenis wacana dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Rohaidah Haron (2004) pula menggunakan peristiwa bahasa perbicaraan di Mahkamah Syariah sebagai korpus wacana. Bagi melihat strategi komunikasi dan kesopanan, manakala Julia Henry (2004) menggunakan kerangka wacana analisis 3 dimensi bagi membuktikan praktis sosial pemasaran dalam bahasa pengiklanan dengan menggunakan 20 wacana periklanan barang kecantikan yang diambil daripada majalah tempatan yang bertemakan wanita. Wacana pedagogi pula dikaji oleh Neng Lia Marliana (2008), Nor Diyana Saupi (2010) dan Isabella Jali (2011). Dengan terhasilnya kajian-kajian tersebut, maka bidang ini semakin menjadi tumpuan dalam ilmu linguistik.

Akhir-akhir ini pendekatan kritis telah mendapat tempat dalam kalangan

pengkaji tempatan. Menurut Idris Aman (2006: 82) kajian yang dilakukan oleh Kamila

Ghazali menjadi perintis kepada pendekatan ini. Antaranya kajian yang menggunakan

pendekatan ini ialah Kamila Ghazali (1999), Idris Aman (2001), Nani Darmayanti

(2012), Azhar Md. Sabil (2012), Hasuria Che Omar (2012) dan Rohaidah Haron (2012).

Nani Darmayanti (2012) telah mengkaji bahasa dan ideologi dalam akhbar *Utusan*

Malaysia dan *Kompas*, khususnya bagi pemberitaan hubungan Malaysia-Indonesia,

manakala Azhar Md. Sabil (2012) pula menganalisis wacana dan amalannya dalam

warkah-warkah perjanjian Melayu abad ke-19. Kajian Kamila Ghazali (1999), Idris

Aman (2001), dan Rohaidah Haron (2012) pula menganalisis wacana ucapan pemimpin

yang akan dihuraikan kemudian. Hasuria Che Omar (2012) pula menggunakan Program

Televisyen Raja Lawak sebagai korpus kajian bagi melihat kesan program tersebut

terhadap psikososial audiens.

1.1.3 Sorotan Kajian Wacana Ucapan Pemimpin

Bahasa yang menjadi medium berkomunikasi mempunyai peranan tertentu bergantung pada objektif yang diinginkan. Bagi seorang pemimpin, mereka memanfaatkan bahasa untuk pelbagai tujuan seperti mengukuhkan kuasa, mempertahankan idea, menyampaikan ideologi atau kepentingan lain. Perkara ini berlaku kerana kuasa politik wujud di sebalik makna bahasa. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian terdahulu, sama ada kajian di luar atau dalam negara. Di luar negara, kajian ini pernah dilakukan oleh Bahaa-eddin M. Mazid (2007), Chang Pu (2007), Fatih Bayram (2010) dan Junling Wang (2010).

Bahaa-eddin M. Mazid (2007) menggunakan pendekatan analisis wacana kritis

untuk melihat andaian dan fungsi strategik, di samping komen ringkas mengenai penggunaan alat-alat propaganda dalam ucapan yang disampaikan oleh George W. Bush

selepas sembilan hari serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon dan beberapa tempat yang disasarkan.

Chang Pu (2007) juga mengkaji ucapan George W. Bush. Teks yang dikaji ialah teks ucapan yang disampaikan kepada pelajar di Universiti Tsinghua apabila Bush melawat ke China pada tahun 2002. Kajian tersebut dikupas berdasarkan teori analisis wacana politik dan bertujuan untuk menunjukkan bahawa kemahiran Bush dalam strategi retorik mempunyai hubungan yang rapat dengan matlamat keseluruhan politik beliau bagi memastikan Amerika dijadikan sebagai model untuk negara China serta pembangunan di China.

Fatih Bayram (2010) pula mengkaji ucapan Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan. Kajian tersebut secara langsung mengkaji komponen ideologi dan latar belakang bahasa yang termaktub dalam ucapan Erdogan semasa perbahasan di Forum Ekonomi Dunia di Davos pada Januari 2009. Hasil kajian tersebut memperlihatkan Erdogan telah mengekalkan latar belakang beliau sepanjang masa politik beliau dalam kerajaan apabila beliau menggunakan bahasa sebagai alat sosial yang kuat untuk mempamerkan karakter beliau. Penemuan ini sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Fairclough, iaitu ideologi wujud dalam teks.

Ucapan Barack Obama pula pernah dikaji oleh Junling Wang (2010). Dalam kajian tersebut beliau menggunakan pendekatan analisis wacana kritis dengan

menerapkan teori Sistemik-Fungsional. Dalam kertas kerja tersebut, Junling Wang

menganalisis ketransitifan dan modaliti dalam wacana politik Barack Obama sebagai

usaha memahami penggunaan bahasa dalam penyampaian ideologi dan kuasa. Ternyata

Obama mudah memujuk atau mempengaruhi khalayak untuk menerima dan menyokong

polisi dalam pemerintahannya.

Di Malaysia kajian analisis wacana teks ucapan politik juga pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti Kamila Ghazali (1999), Idris Aman (2001; 2011), Asmah Hj. Omar (2003), Munif Zariruddin (2003), Mohammed Shahriar dan Mahmud Hasan Khan (2004), Wong Shin Shin (2007), Azimah Shurfa (2010), Rohaidah Haron (2012), dan Mashetoh Abd Mutualib et al. (2013) dengan menggunakan pelbagai pendekatan.

Kamila Ghazali (1999) menggunakan data korpus teks ucapan Mahathir Mohamad dalam Persidangan UMNO antara tahun 1982 hingga 1996 bagi memperlihatkan saling hubung antara bahasa dengan kehidupan sosial. Beliau cuba membuktikan bahawa bahasa menjadi unsur penting bagi pewacana untuk mempengaruhi khalayak menerima ideologi yang disampaikan. Dalam erti kata lain, kajiannya bertujuan untuk melihat hubungan bahasa dengan kehidupan sosial, di samping mengkaji hubungan kuasa dan ideologi yang terserlah dalam wacana kepimpinan Mahathir. Untuk itu, beliau telah meneliti teks homogenus atau normatif secara kronologi ucapan perasmian Perhimpunan UMNO dengan menekankan tiga tema utama dalam ucapan tersebut, iaitu Islam, ekonomi dan UMNO. Hasil kajian tersebut, penggunaan leksikal dan kedudukan pewacana yang diserahkan melalui pemanfaatan bahasa memperlihatkan hubungan nilai solidariti. Dalam kajian itu juga, aspek intertekstualiti disentuh bagi menentukan praandaian melalui klausa dan frasa adverba.

Sama seperti Kamila Ghazali (1999), Idris Aman (2001) juga menggunakan data

korpus ucapan Mahathir Mohamad. Walau bagaimanapun, kajian ini bukan

menonjolkan Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO seperti kajian Kamila

Ghazali, sebaliknya sebagai Perdana Menteri kerana disampaikan kepada seluruh rakyat

Malaysia. Oleh itu, beliau mengambil teks perutusan mulai tahun 1982 hingga 1999.

Secara dasarnya, Idris Aman ingin melihat nilai kepimpinan Mahathir Mohamad

melalui bahasa yang digunakan, seterusnya membuktikan praktis sosial yang berlaku.

Dengan demikian, kerangka analisis wacana 3 dimensi yang dikemukakan oleh

Fairclough (1992, 1995) diaplikasikan kerana keyakinan beliau terhadap teori itu yang

dilihat prihatin dan berupaya mengiktiraf wacana sebagai praktis sosial. Walau

bagaimanapun, kajian ini tidak mengaplikasikan kesemua item yang mendasari ketiga-

tiga dimensi tersebut. Berdasarkan kajian yang dijalankan, beliau menemui daripada

dimensi yang pertama, wacana Mahathir Mohamad dihasilkan dengan penglibatan aktif

pewacana sendiri. Malahan, ucapan tersebut disebarluaskan tetapi disesuaikan dengan

media massa yang menyalurkan maklumat tersebut dan dibina bagi kepentingan

bersama, iaitu antara pemimpin dan rakyat. Juga ditemui dalam wacana ini unsur

intertekstualiti yang tidak rencam dan interdiskursiviti. Daripada dimensi kedua,

modaliti imperatif permintaan, metafora pertanian dan api, kata kemiliteran dan kata

alternatif ditemui. Hasil dapatan dimensi pertama dan kedua dirumuskan dalam dimensi

ketiga, iaitu kepimpinan orientasi khalayak dan kepimpinan tegas wujud dalam wacana

Mahathir Mohamad. Ternyata, kajian Idris Aman (2001) benar-benar mengaplikasikan

kerangka teori Fairclough.

Hubungan kuasa dalam Penyata Rasmi Parlimen (*Parliamentary Debates*)

pernah dikaji oleh Asmah Hj. Omar (2003). Beliau mahu membuktikan bahawa bahasa

memainkan peranan penting sebagai saluran melalui kuasa yang digubal, diciptakan dan

ditumbangkan. Kajiannya memperlihatkan bentuk dan kandungan merupakan elemen

penting dalam ucapan yang hebat. Dalam kajian ini beliau merumuskan bahawa antara

bentuk dan kandungan, ternyata bentuk lebih penting berbanding kandungan kerana jika seseorang mempunyai fakta dan pengetahuan tetapi lemah dari segi penyampaian tidak akan memberi impak kepada pendengar.

Munif Zarirruddin (2003) dalam kertas kerjanya memerihalkan wacana bahasa politik Islam di Malaysia, terutamanya berkaitan bahasa politik dalam dikotomi UMNO-PAS, iaitu Islam-kafir. Kertas kerjanya itu cuba menyedarkan pembaca bahawa linguistik pragmatik sangat penting bagi memahami wacana yang disampaikan. Beliau menegaskan bahawa hubung jalin antara bahasa dan pemerkasaan kuasa politik dalam konteks sosiologi bahasa dan sosiologi politik di Malaysia saling melengkapi antara satu sama lain.

Kertas kerja Muhammed Shahriar dan Mahmud Hasan Khan (2004) mengkaji identiti Muslim dalam ucapan Mahathir Mohamad. Kajian tersebut mendapati di dalam ucapan Mahathir, identiti Islam dibentuk sebagai kebolehsedaran melalui prinsip terpilih analisis wacana kritikal. Analisis tersebut membolehkan identifikasi bukan sahaja kesusahan yang ditanggung umat Islam tetapi juga rasa puas hati dalam masyarakat Islam.

Teks ucapan RMK-9 pula pernah dikaji oleh Wong Shin Shin (2007) untuk kajian disertasinya. Kajian tersebut menerapkan pendekatan pragmatik, iaitu menganalisis lakuhan tutur dan strategi komunikasi yang digunakan oleh Dato' Seri Abdullah Badawi. Tidak ketinggalan aspek kesopanan juga dikaji. Daripada kajian yang

dilakukan, beliau merumuskan bahawa kebanyakan ujaran yang digunakan dalam

RMK-9 ialah lakuan komisif dan asertif. Di samping itu, pemeran juga banyak

menggunakan kaedah langsung untuk membentangkan RMK-9 selain daripada

penekanan aspek kesopanan.

Azimah Shurfa (2010) dalam kajian disertasinya telah menganalisis strategi percakapan dan langkah-langkah perbincangan Mahathir Mohamad dalam 10 ucapan beliau yang meluahkan penentangan dan cabaran ideologi ketenteraan “perang ke atas keganasan” oleh bekas Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush selepas peristiwa 9 September 2001.

Selain wacana Mahathir, Idris Aman (2011) juga pernah mengkaji wacana Najib Tun Razak bagi meneliti cara beliau bangkit dan bertindak bagi keperluan politiknya. Bagi mencapai hasrat kajian, beliau memilih ucapan sulung Perdana Menteri ke-6 ini yang dimuatkan dalam laman blog www.1malaysia.com.my. Daripada kajian tersebut, dirumuskan bahawa ‘selaku pemimpin yang baharu dilantik, pewacanaan kepimpinannya itu adalah sengaja, kena masa, tulen, dan siap sedia dalam menakhodai negara dan dengan sebab itulah ucapan sulungnya diuruskan dengan baik.’

Berbeza dengan kajian analisis wacana di dalam negara yang ada sebelum ini, Rohaidah Haron (2012) mengkaji bahasa dan identiti dalam perutusan UMNO Najib Razak dari tahun 2004 hingga 2009. Dalam kajian tersebut, beliau mengesan dua jenis identiti yang mampat dalam korpus wacana perutusan tersebut, iaitu identiti sedia ada dan identiti yang dihajatkan. Identiti sedia ada ialah pemerkasaan bangsa, sementara identiti yang dihajatkan merujuk kepada pengunggulan Melayu-UMNO. Bagi menghuraikan ciri-ciri identiti tersebut intertekstualiti, kandungan teks, dan

interdiskursiviti pada aras amalan wacana dimanfaatkan. Pada aras tekstual, leksikal,

interdiskursiviti pada aras amalan wacana dimanfaatkan. Pada aras tekstual, leksikal,